

Penjawat awam jadikan SKT wadah nilai prestasi diri

Masa itu amat berharga dalam kehidupan manusia dan sesiapa yang gagal menguruskan masa dengan baik akan kerugian. Kini kita sudah berada di pertengahan tahun. Persoalannya apakah yang sudah kita lakukan setakat ini dan apakah pencapaian yang kita buat sama ada untuk diri sendiri atau organisasi yang kita mengabdikan diri.

Umum sudah mengetahui bahawa Sasaran Kerja Tahunan (SKT) sama ada untuk individu, jabatan dan organisasi perlu diisi. SKT adalah asas untuk seseorang penjawat awam menilai kemampuan diri dan juga sebagai garis panduan untuk mereka memantapkan kerjaya mereka. Ramai orang mengambil mudah akan perkara ini. Ini mungkin disebabkan sebilangan kita yang berfikir sudah memadai jika menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Seseorang penjawat awam seharusnya menjadikan SKT itu sebagai satu wadah untuk menilai prestasi diri mereka sama ada kedudukan mereka dalam sesuatu organisasi itu bermakna atau tidak, makin maju atau makin merosot dan ada sumbangan atau tidak kepada organisasi. Setiap orang ada peranan yang tersendiri kepada organisasi dan tidak hanya setakat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan sahaja.

Tahu arah tuju

Dengan adanya SKT seseorang itu akan tahu hala tujunya dan tahu apa yang dia perlu buat sebagai seorang pekerja swasta atau penjawat awam. Seseorang individu itu tidak boleh bergerak dan bekerja jika tiada arah tuju. Maka di sinilah pentingnya peranan SKT dalam sesuatu bidang pekerjaan. Tanpa garis panduan yang jelas, pekerja akan ponteng, tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik, tidak amanah, tidak berusaha untuk memajukan diri dan sebagainya yang boleh menyebab-

kan sesuatu organisasi atau jabatan itu tidak berfungsi dengan baik.

Justeru, bagaimana untuk meningkatkan prestasi diri sebagai pekerja? Paling utama, seseorang itu perlulah membuat SKT sendiri dan memikirkan bagaimana mahu meningkatkan prestasi diri seiring dengan apa yang dinyatakan dalam SKT.

Peluang tambah ilmu

Antara langkah itu ialah rajin mencari ilmu baru. Seseorang pekerja itu haruslah mencari peluang untuk menambah ilmu mereka dengan mengikuti kursus. Sebagai pekerja, kita tidak boleh berasakan ilmu yang kita miliki sudah mencukupi. Ilmu itu luas dan tiada sempadannya. Adalah lebih baik jika kita mendalami lagi bidang diceburi hingga menjadi pakar. Jika kita menceburi bidang baru, ia satu nilai tambah kepada diri kita.

Langkah seterusnya ialah cuba mencabar atau melatih diri memegang jawatan tertentu atau mengetuai sesuatu program anjuran organisasi atau jabatan di tempat anda. Mungkin akan wujud persoalan apakah seseorang itu mampu menjadi ketua atau pemimpin? Sebenarnya inilah masa untuk menguji kebolehan dan nilai kepimpinan diri. Ia juga masa untuk belajar daripada kesilapan untuk mempersiapkan diri pada masa depan. Seseorang pekerja tidak boleh berasa seronok berada di tempat yang sama kerana ia adalah punca timbulnya rasa jemu.

Sektor pendidikan kini berkembang pesat seiring peningkatan permintaan masyarakat. Makin ramai rakyat yang mengambil pe-

luang untuk meningkatkan tahap pendidikan masing-masing. Justeru, universiti awam dan swasta membuka peluang kepada individu yang ingin menyambung pelajaran sambil bekerja. Peluang sebegini perlu direbut pekerja untuk meningkatkan lagi prestasi diri.

Jika seseorang individu itu adalah pemegang diploma, tingkatkan prestasi diri dengan memiliki ijazah. Jika seseorang itu pemegang ijazah, tingkatkan prestasi diri dengan memiliki sarjana. Jika seseorang itu berpendidikan tahap Sarjana, tingkatkan diri untuk memiliki Ijazah Doktor Falsafah. Dengan cara itu, prestasi diri dan organisasi akan meningkat.

Langkah seterusnya ialah setiap pekerja itu perlu berusaha untuk memberi sebanyak mungkin sumbangan kepada organisasi. Ini boleh dilakukan melalui usaha seperti sumbangan dalam bidang penyelidikan, mencipta teknologi baru, membantu masyarakat atau idea dan kepakaran bagi menaikkan nama organisasi.

Nilai tambah pekerja

Seterusnya, seseorang pekerja itu juga perlu dari masa ke masa menilai apakah nilai tambah yang ada pada diri sebagai pekerja. Seseorang itu tidak sewajarnya memiliki hanya satu kebolehan. Dalam dunia moden masa kini, seseorang itu perlu mempunyai pelbagai kelebihan dan kebolehan agar setanding dengan individu lain.

Sebagai contohnya, kebolehan berbahasa Inggeris adalah satu kelebihan, tetapi seseorang itu perlu berusaha agar dia juga boleh menguasai bahasa lain seperti Jerman, Mandarin, Jepun dan Perancis. Walau pun ini nampak kecil, tapi besar impaknya kepada sesuatu organisasi apatah lagi jika seseorang itu bekerja di sebuah organisasi yang ada hubungan antarabangsa yang kukuh.

Kesimpulannya, setiap individu mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu maka ia perlu disalurkan ke arah yang betul agar memberi kebaikan kepada diri, masyarakat dan negara.

“*Sebagai pekerja, kita tidak boleh berasakan ilmu yang kita miliki sudah mencukupi. Ilmu itu luas dan tiada sempadannya. Adalah lebih baik jika kita mendalami lagi bidang diceburi hingga menjadi pakar*”



**HASNAH
HUSSIIN**

hasnah@ump.edu.my



Setiap kakitangan perlu ada hala tuju meningkatkan prestasi diri dan organisasi.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang